

28 DEC 1999

Mahathir-Y2K

MASALAH Y2K TIDAK AKAN BAWA MALAPETAKA BESAR, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Dengan hanya tinggal tiga hari lagi sebelum dunia melangkah ke alaf baru, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia telah mengambil segala langkah untuk mengatasi masalah komputer tahun 2000 atau Y2K.

"Saya percaya kalau adapun masalah, ianya tidak besar," kata beliau dalam satu temuramah dengan RTM di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, hari ini.

Y2K atau "Millenium Bug" merujuk kepada kegagalan operasi sistem komputer atau sistem kawalan automatik yang berasaskan fungsi masa apabila tiba tahun 2000 disebabkan kegagalan komputer membezakan tahun 2000 dengan tahun 1900 kerana sistem lama komputer menggunakan dua digit terakhir untuk mewakili tahun.

Dr Mahathir berkata masalah Y2K telah dihebohkan terlalu sangat.

"Dia (masalah ini) tidak akan membawa malapetaka yang besar terutama apabila kita telahpun membuat persediaan," kata beliau.

"Yang kita takut ialah kerana Y2k ini, komputer kita tidak berjalan dengan baik dan segala data yang kita simpan dalam komputer mungkin hilang ataupun tidak berjalan seperti biasa. Dengan itu urusan kita akan terganggu.

"Tetapi tindakan sudahpun diambil untuk mengatasi masalah Y2K ini," kata beliau.

Mengenai kenaikan harga beberapa barang keperluan baru-baru ini terutamanya sempena musim perayaan kali ini, Dr Mahathir berkata ia perkara biasa.

Ini kerana apabila (bilangan) orang yang hendak beli lebih ramai, maka (harga) barang biasanya naik, kata beliau.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa cuba mengawal harga barangan itu daripada meningkat secara mendadak.

"Kita ada barang-barang tertentu yang dikawal harganya seperti gula, tepung dan lain-lain.

"Tetapi, barang-barang lain kita tak kawal, kita cuma mengawasi (kenaikan harganya) dan kita cuba sedaya upaya supaya harga barangan ini tidak meningkat terlalu sangat," kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun, beliau berkata jika para pengguna mendapati sesuatu barang itu terlalu mahal, mereka boleh beli barangan lain.

"Dan kalau mereka masih mampu membayar harga yang tinggi, mereka masih boleh beli juga dengan harga yang tinggi," tambah Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ES PR